

# Lawatan BPH UMS ke UiTM untuk berkongsi maklumat Kolej Kediaman

UB 23.06.2012

KOTA KINABALU: Bahagian Perumahan dan Hospitaliti (BPH) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Lawatan Sambil Kerja ke Universti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam baru-baru ini.

Lawatan selama dua hari itu disertai seramai 14 terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan BPH dari Kampus Induk UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Ketua Seksyen Pentadbiran dan Kewangan BPH, Sahilin Marusin yang mengetuai rombongan berkata, kunjungan lawatan ke UiTM yang merupakan salah satu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tertua di Malaysia itu adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berguna tentang kemudahan yang disediakan di Kolej Kediaman.

Tambahnya, dengan program seumpama ini selain dapat bertukar-tukar pandangan dan idea khususnya yang berkaitan dengan Kolej Kediaman ianya juga amat berguna kepada kakitangan di BPH bagi meningkatkan kualiti dari segi perkhidmatan dalam penambahbaikan sistem pentadbiran di Kolej Kediaman UMS.

Ini katanya, selaras dengan matlamat BPH yang berfungsi memberikan perkhidmatan yang terbaik dari sudut kebajikan, penginapan dan keselamatan kepada pelajar.



**ROMBONGAN BPH UMS merakamkan gambar kenangan semasa Lawatan Sambil Kerja ke UiTM Shah Alam.**

Sepanjang lawatan itu, rombongan telah dibawa melawat beberapa Kolej Kediaman iaitu Kolej Kediaman Melati, Kolej Kristal di UiTM Shah Alam, Kolej Angsana dan Kolej Reflessia, di cawangan UiTM Puncak Alam.

Beliau berharap dengan lawatan seumpama ini dapat membawa manfaat

kepada Kolej Kediaman sebagai pusat kecemerlangan dan pelengkap kepada sistem pendidikan universiti dalam melahirkan graduan yang berakhlak mulia, berpengetahuan luas, kritis, kreatif dan berinovatif selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara kakitangan UiTM dan UMS.